



**HAMIM SAMURI bersalaman dengan para peserta Seminar Keselamatan Sumber Air Dalam Konteks Pembangunan Mapan di Putrajaya, semalam. -UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN**

# Kualiti air sungai membimbangkan

**PUTRAJAYA 25 Mei** - Kualiti air sungai di Malaysia masih berada pada tahap membimbangkan apabila 229 daripada 473 sungai di seluruh negara didapati tercemar akibat kesan pembuangan sisa-sisa industri.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar memberitahu, berdasarkan pemantauan Jabatan Alam Sekitar, sebanyak 244 sungai di seluruh negara telah disahkan bersih daripada sebarang pencemaran dan selamat digunakan.

Katanya, walaupun jumlah sungai tidak tercemar melebihi daripada sungai tercemar, tetapi semua pihak perlu mengambil berat terhadap soal kebersihan sungai bagi menjamin kelangsungan sumber air negara.

"Kebanyakan sungai tercemar itu dilaporkan terjadi di kawasan bandar yang berpunca daripada pembuangan sampah dan berlaku masalah aliran sisa industri akibat pembangunan tidak terancang.

"Oleh demikian bagi menangani masalah ini, kerajaan memperkenalkan beberapa program dan misalnya Ops Lumpur pada 2005 iaitu aktiviti penguatku-

**info**

## **TAHAP KEBERSIHAN SUNGAI DI MALAYSIA**

**(BERDASARKAN PEMANTAUAN  
JABATAN ALAM SEKITAR)**

- 473 sungai dipantau
- 244 bersih
- 229 tercemar

### **Punca pencemaran:**

- Sisa aktiviti komersial dan industri
- Sampah-sarap
- Pembangunan pesat

saan terhadap pihak yang melakukan pencemaran sungai," katanya dalam ucapan bersempena Seminar Keselamatan Sumber Air Dalam Konteks Pembangunan Mapan (SDG), di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Hamim Samuri.

Yang hadir sama, Ketua Setia-

usaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azizan Ahmad dan Ketua Pengarah Jabatan Pengaliran dan Saliran, Datuk Zulkefli Hassan.

Dalam masa sama, Wan Junaidi berkata, pihaknya memandangkan serius terhadap soal keselamatan sumber air khususnya pada saat dunia kini mengalami perubahan iklim yang turut menjejaskan simpanan air negara.

Beliau menjelaskan, bagi menangani masalah tersebut, semua pihak termasuk kerajaan negeri perlu bersama-sama menyusun perancangan berhubung konteks pengurusan sumber air dengan lebih terancang.

"Isu keselamatan air memerlukan penelitian yang tinggi dan kerjasama semua pihak kerana soal itu menjangkau sempadan kerana negeri lain-lain turut berkongsi sungai.

"Sehubungan itu, segala isu berkaitan permasalahan air dibincangkan untuk ditangani bersama dalam Majlis Sumber Air Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri dengan dianggotai oleh Menteri Besar dan Ketua Menteri," katanya.